

**PERUTUSAN HARI RAYA AIDILADHA  
OLEH YAA DATO' MOHAMMAD ADIB BIN HUSSAIN  
KETUA HAKIM SYARIE  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahilhamd.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya seluruh umat Islam berkesempatan sekali lagi menyambut hari raya Aidiladha pada tahun ini.
  
2. Aidiladha pada tanggal 10 Zulhijjah merupakan hari kebesaran umat Islam yang disambut di seluruh dunia sebagai tanda kemenangan dalam perjuangan mentaati perintah Allah dan RasulNya. Aidiladha disambut dengan penuh pengertian sejajar dengan kisah dan sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim a.s dan kesabaran anakandanya, Nabi Ismail a.s dalam menyahut perintah Allah. Iktibar daripada peristiwa ini perlu sentiasa dihayati oleh seluruh umat Islam dalam mendepani cabaran kehidupan seharian.
  
3. Keistimewaan Aidiladha antaranya adalah ibadah korban yang mempunyai banyak hikmah dan kelebihan. Pengorbanan Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Ismail a.s memberikan ibrah yang sangat besar dalam sejarah Islam. Penghayatan dalam ibadah ini mampu memberi kesan rohani yang begitu besar dan mendalam pada jiwa insan yang menghayatinya. Sewajarnya

kita merebut peluang melakukan ibadah korban yang hanya boleh dilakukan bermula dari 10 Zulhijjah sehingga 13 Zulhijjah setiap tahun. Ibadah korban ini bertujuan menunjukkan ketaatan hamba kepada khaliq dan mendekatkan diri kepadaNya sesuai dengan firman Allah dalam Surah Al-Hajj: 37 yang bermaksud:

*"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah Ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya."*

4. Sambutan Aidiladha tahun ini amat signifikan kepada umat Islam di dunia termasuk di Malaysia apabila berhadapan dengan serangan pandemik COVID-19 yang menuntut pelbagai pengorbanan di saat ini. Jika pada Aidiladha yang lepas, kita meraikan hari raya dengan kebenaran untuk merentas negeri, melakukan solat Aidiladha dan ibadat korban namun pada tahun ini Aidiladha disambut dengan jihad dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) akibat virus Covid-19.

5. Umat Islam disarankan melakukan pengorbanan demi memastikan Islam diletakkan di kedudukan yang tertinggi. Melakukan pengorbanan memerlukan jihad yang besar sama ada dari sudut masa, tenaga, wang ringgit dan sebagainya. Setiap individu perlu bermuhasabah melihat sumbangan dan pengorbanan yang telah dilakukan sepanjang kehidupan untuk menegakkan agama Allah.
  
6. Bermula awal tahun 2020, negara telah dikejutkan dengan ancaman virus Covid-19 yang memberi kesan kepada cara hidup seharian. Malah sehingga kini, situasi negara lebih mencabar apabila trend peningkatan kes yang mendadak sejak beberapa minggu yang lalu dengan kes-kes positif COVID-19 mencecah lebih 6,000 kes sehari. Negeri Selangor telah mencatatkan jumlah kes tertinggi dikalangan negeri-negeri lain. Lantaran itu, bermula 3 Julai 2021, kebanyakan daerah di Negeri Selangor telah diarahkan untuk berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) sehingga hari ini.
  
7. Sepanjang tempoh pandemik ini, gaya kerja dan aktiviti harian kita terpaksa diubah mengikut norma baru. Kita telah diperkenalkan dengan kaedah baru iaitu Bekerja Dari Rumah (BDR). Kaedah ini bertujuan bukan sahaja untuk menyekat dan menghentikan pandemik ini, bahkan dalam masa yang sama adalah untuk memastikan segala perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat berjalan seperti biasa. Dalam keadaan norma baharu ini, perkhidmatan yang disediakan tidaklah boleh dihentikan bahkan ia tetap perlu disediakan

dengan cara baharu yang memerlukan pengorbanan dari setiap penjawat awam.

8. Islam menyarankan umatnya melakukan pengorbanan sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Allah Ibrahim a.s dan Ismail a.s. Oleh itu usaha dan komitmen warga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dalam menjalani tugas seharian sama ada bekerja di pejabat mahupun bekerja dari rumah pada waktu ini adalah merupakan pengorbanan kita terhadap agama, masyarakat dan negara. Operasi mahkamah masih dapat berjalan dengan baik mengikut *Prosedur Operasi Standard* (SOP) yang ditetapkan walaupun negara berada dalam keadaan situasi covid-19 yang meruncing.
  
9. Warga JAKESS tetap melaksanakan tugas dan sentiasa bersedia menjalankan tanggungjawab terhadap tugas masing-masing dengan penuh dedikasi dan berintegriti. Pengorbanan wang ringgit, harta, tenaga, buah fikiran serta masa perlu dilakukan tanpa rasa terbeban dan terpaksa. Keikhlasan dalam setiap pengorbanan yang dilakukan akan menghasilkan tugas yang mantap di samping meningkatkan kewibawaan setiap jabatan. Sudah tentu pengorbanan yang kita lakukan ini tidaklah setanding dengan pengorbanan nabi-nabi Allah namun saya percaya pengorbanan ini akan dinilai di sisi Allah sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat ke 207 yang bermaksud :

*“Dan di antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya kerana mencari*

*keredhaan Allah SWT, dan Allah Maha Penyantun kepada hamba-hambaNya.”*

10. Saya berharap agar kita semua dapat menjaga amanah dalam melaksanakan tugas masing-masing demi memastikan perkhidmatan jabatan dapat berjalan lancar sebagaimana yang ditetapkan. Perkhidmatan yang kita sediakan kepada masyarakat ketika ini adalah untuk memastikan Undang-undang Syariah diamalkan dan diletakkan di tempat yang sepatutnya. Tanggungjawab dalam memartabatkan perundangan syariah adalah terletak di bahu kita. Justeru, saya menyeru warga JAKESS untuk bersama-sama mempertingkatkan usaha dan komitmen dalam menjalankan tugas bagi memastikan matlamat perundangan syariah ini berjaya.
  
11. Namun begitu, saya hendak mengingatkan bahawa kita masih belum berjaya sepenuhnya dalam memerangi wabak Covid-19. Malaysia dan banyak negara lain masih belum diisytiharkan bebas daripada pandemik ini. Kita perlu terus berusaha untuk memutuskan rantai Covid-19 dengan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Iktibar daripada Aidiladha menjadi panduan dalam menghadapi cabaran wabak COVID-19 yang mana mengingatkan kita mengenai erti kesabaran dan berlapang dada dalam menempuh kesukaran hidup. Kita diingatkan supaya tidak lalai dan leka dalam kemeriahan menyambut Aidiladha nanti demi terus menjaga keselamatan diri dan keluarga.

12. Di kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh warga JAKESS. Raikanlah Aidiladha secara bersederhana sebagaimana tuntutan syariat dan hayatilah erti pengorbanan di sebalik Aidiladha. Tanpa mengenal erti putus asa, marilah kita bersama-sama memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga wabak Covid-19 segera berakhir.

13. Sesungguhnya, pertolongan dan rahmat Allah itu sangat hampir kepada hamba-hamba-Nya yang bertakwa. Maka tingkatkanlah ketakwaan kita dan berdoalah kepada-Nya. Mudah-mudahan doa kita dimakbulkan dan kita beroleh kemenangan.

Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahilhamd.